

Mahathir: K'jaan bukan badan bebas boleh buat apa saja

KUALA LUMPUR 11 MEI

KERAJAAN bukanlah sebuah badan bebas dan anggapan bahawa ia bebas melakukan apa saja yang dicadangkan sering menjadi punca berlakunya salah faham, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa menimbangankan bukan sahaja dari segi undang-undang, yang setengahnya tidak boleh dipinda, tetapi juga fakta bahawa tiap-tiap tindakan ada reaksinya.

Selain dari kemungkinan reaksi itu boleh merosakkan kedudukan kerajaan, kadangkala ianya menimbulkan kesan yang sebaliknya dari matlamat syor-syor yang dibuat, tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah merasmikan bengkel mengenai daya pengeluaran di industri perkilangan, anjuran fakulti kejuruteraan Universiti Malaya di sini.

Katanya, wakil-wakil kerajaan jarang dikecualikan daripada seminar-seminar dan bengkel seumpama ini dan inilah yang seharusnya dibuat.

Kerajaan perlu bukan sahaja mengetahui pendapat orang lain, tetapi juga mengemukakan pandangannya dan yang lebih penting ialah apa yang terdaya dilakukannya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, daya pengeluaran sekarang telah menjadi sebutan dan yang masih meragukan adakah setiap orang faham peranan masing-masing dalam daya pengeluaran negara.

Kebanyakan orang kerap memikirkan bahawa orang lain yang harus mengelak daripada menghalang daya pengeluaran.

Mereka menganggap diri mereka tidak mempunyai sebarang peranan ataupun telah melakukan apa yang perlu dan daya pengeluaran mestilah di peringkat maksima tetapi atas kegiatan atau kekurangan kegiatan orang lain.

"Dengan itu, kita mempunyai industri yang menyalahkan pengurusan dan pekerja kerana pengeluaran yang rendah, pengurusan menyalahkan para pengarah dan pekerja, pekerja menyalahkan pengurusan dan pemilik industri, dan semuanya pula menyalahkan kerajaan dan kerajaan menyalahkan semua orang," tambahnya.